

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-45

## BURSA MALAYSIA BERHAD

No. Pendaftaran 197601004668 (30632-P)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016)



**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan Ke-45 Bursa Malaysia Berhad (Syarikat) akan diadakan secara maya di Bursa Malaysia Berhad, Bilik Persidangan 1, Aras Bawah, Exchange Square, Bukit Kewangan, 50200 Kuala Lumpur sebagai **Tempat Siaran** dan siaran langsung melalui laman sesawang TIIH Online di <https://tiih.online> pada hari Rabu, 30 Mac 2022 pada jam 10.00 pagi untuk pelaksanaan urusan-urusan berikut:

### Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 berserta laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.
2. Untuk melantik semula En. Pushpanathan a/l S.A. Kanagarayar, yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula.  
  
Datuk Karownikaran @ Karunikaran a/l Ramasamy yang juga bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat, akan bersara selaras dengan polisi 9 tahun Lembaga Pengarah. Oleh itu, beliau akan kekal memegang jawatan sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Ke-45.
3. Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah berjumlah RM300,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM200,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.
4. Untuk meluluskan pembayaran manfaat kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah sehingga RM2,000,000 bermula 31 Mac 2022 hingga Mesyuarat Agung Syarikat tahun yang berikutnya.
5. Untuk melantik Tetuan Ernst & Young PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.
6. Untuk melaksanakan urusan-urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

**Resolusi 1**

**Resolusi 2**

**Resolusi 3**

**Resolusi 4**

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA** bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-45 ini, pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 15.9 Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung bertarikh 23 Mac 2022. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit bertarikh 23 Mac 2022 sahaja layak untuk menghadiri mesyuarat ini atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

### MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md Hashim (LS 0006674) SSM PC No. 202008003707  
Suzanne Hong Soo Yong (MAICSA 7026744) SSM PC No. 201908003801

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
1 Mac 2022